

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

HSC 332 Pemulihan dan Revolusi di China Modern

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DALAM DUA  
[2] MUKA SURAT

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Secara bandingan bincangkan kebangkitan Muslim (1855 - 1878) dan kebangkitan Boxer (1900) daripada segi sebab musabab dan kesannya ke atas China.
2. Bincangkan kemelut pemikiran dan pemilihan di kalangan para pemimpin dan golongan terpelajar China antara tahun 1839 - 1905 dalam menangani masalah-masalah yang sedang dihadapi China waktu itu.
3. "Kerajaan Ch'ing sepatutnya telah tumbang sejak abad ke-19 lagi. Namun demikian, kerana sebab-sebab tertentu ia terus kekal sehingga 1912". Nilaikan pandangan ini.
4. Ulaskan peranan dan kesan kegiatan Rusia dan Jepun ke atas China antara tahun 1850 - 1905.
5. "Sekiranyalah KMT pimpinan Chiang Kai-shek mematuhi kehendak-kehendak Tiga Lunas Rakyat Sun Yat-sen ia tentu akan terus berkuasa di China selepas 1949". Bersetujukah anda dengan pernyataan ini?
6. Bagaimanakah Parti Komunis China (PKC) mengatasi masalah-masalah yang dihadapinya sewaktu mula-mula berkuasa pada 1949 dan sejauhmanakah ia mencapai kejayaan sehingga menjelang akhir 1950-an?

7. Dengan merujuk kepada Pergerakan Empat Mei 1915 - 1927 dan perkembangan antara tahun 1956 - 1969 bincangkan kedudukan dan peranan golongan terpelajar di China dalam abad ke-20 terutama dalam hubungan mereka dengan pemerintah.
8. "Sama seperti Hung Hsiu-chuan pada pertengahan abad ke-19, Mao Tse-tung mengambil unsur luar dan kemudian menyesuaikannya dengan keadaan dan keperluannya di China". Bincangkan.

-ooooOOOooo-